



SIMPTOM AF
yang tidak disedari
pada peringkat awal
mengundang
masalah kesihatan
yang lebih teruk.
- Gambar
hiasan



PESAKIT strok yang mengalami gangguan pada upaya anggota tubuh memerlukan banyak sokongan ahli keluarga untuk menjalankan kehidupan seharian. - Gambar hiasan

Penglihatan kabur, badan terasa kebas

Oleh **NURUL IZZA ROSLY**
izza.rosly@kosmo.com.my

JIKA anda mengalami degupan jantung yang pantas di luar kebiasaannya, segeralah berjumpa dengan doktor kerana anda mungkin mengalami Pemfibrilan Atrium (AF) iaitu salah satu penyumbang kepada strok.

Namun, tidak semua orang menyadari perkara tersebut dan akhirnya AF tidak dapat dikesan pada peringkat awal lalu menyebabkan serangan strok berlaku.

AF kini merupakan keabnormalan degupan jantung yang biasa dalam kalangan orang dewasa di seluruh dunia. Di negara-negara Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat sahaja seramai sembilan juta orang dilaporkan diserang penyakit itu.

Perunding Kardiologi dan Elektrofisiologi Institut Jantung Negara, Dr. Razali Omar berkata, AF dapat dikesan apabila jantung berdegup dengan tidak sekata, sama ada terlalu pantas atau terlalu perlahan.

"Ramai penghidap AF ini tidak menunjukkan simptom terutamanya apabila degupan jantung mereka tidak terlalu pantas.

"Namun, simptom yang biasa adalah seperti pening kepala, sakit dada dan sukar bernafas," katanya ketika hadir di Kempen 1 Misi 1 Juta Mendalami Punca Strok baru-baru ini.

Oleh itu katanya, adalah sangat penting untuk merawat AF dengan kadar segera. Mereka yang mempunyai gejala AF berisiko hingga lima kali ganda

Sesetengah kes Pemfibrilan Atrium (AF) tiada penyebab tetapi terdapat beberapa faktor gaya hidup yang menjadi pemangkinnya seperti tekanan darah tinggi, diabetes melitus atau kelenjar tiroid yang terlampau aktif.



DARI KIRI: Hamidon, Razali dan Pengarah Urusan Boehringer Ingelheim (M) Sdn. Bhd., Cheong Yee Kok ketika pelancaran 1 Misi 1 Juta Mendalami Punca Strok.

lebih tinggi diserang strok berbanding mereka yang tiada masalah AF.

Strok yang disebabkan AF adalah lebih serius dan dikaitkan dengan lebih banyak kehilangan upaya berbanding strok yang bukan disebabkan AF.

"Bagaimana mahu memastikan se-

seorang itu mempunyai gejala AF? Kebiasaannya denyutan jantungnya dalam keadaan rehat adalah 150 manakala ketika berjalan pula adalah 180.

"Risiko AF ini meningkat dengan pertambahan usia dan ia menyerang

satu peratus orang dewasa di seluruh dunia. Seorang daripada empat orang dewasa berusia 40 tahun ke atas akan berhadapan dengan keadaan tersebut," jelasnya.


AF kebiasaannya berlaku kepada mereka yang mempunyai sakit jantung atau berkaitan dengannya seperti kegagalan fungsi jantung. Ia sangat jarang berlaku dalam kalangan kanak-kanak.

Kadangkala sesetengah kes AF tiada penyebab yang jelas namun beberapa faktor gaya hidup boleh mencetus risikonya iaitu tekanan darah tinggi, diabetes melitus, mempunyai kelenjar tiroid terlampau aktif, kegagalan jantung atau mengambil alkohol terlalu banyak.

Strok berlaku dengan gejala AF apabila darah berkumpul dan tidak dapat mengalir kerana atrium tidak berfungsi dengan baik.

Darah berkumpul di dalam atrium dan membentuk darah beku yang melalui aliran darah. Darah beku itu menyekat aliran darah ke otak lalu menyebabkan strok.

"Strok boleh dikatakan sama seperti serangan jantung tetapi dalam hal ini ia menyerang otak. Darah perlu mengalir ke seluruh badan dan hingga ke otak bagi membolehkan ia berfungsi




STROK iskemia berlaku apabila terdapat darah beku yang menyekat aliran darah.



MENCEGAH pada peringkat awal boleh mengubah nasib seseorang. – Gambar hiasan



WALAUPIUN sesetengah penghidap strok kehilangan upaya, ia masih boleh dirawat.




STROK berdarah berlaku apabila salur

■ Kerosakan otak kanan

■ Kerosakan otak kiri

■ Lumpuh sebelah kanan

■ Lumpuh sebelah kiri



RAWATAN



- Rawatan Antitrombotik. Mereka yang mengalami AF yang berisiko mendapat strok biasanya akan mengambil ubat untuk mencairkan darah bagi mengurangkan risiko pembentukan darah beku.

◀ dengan baik.

“Jika aliran darah ini disekat oleh darah beku, otak akan kehilangan bekalan tenaga lalu menyebabkan kerosakan otak. Ia boleh membawa kepada kehilangan upaya atau kematian,” jelasnya.

AF merupakan faktor risiko utama penyebab strok. Di seluruh dunia, seramai tiga juta orang mendapat strok berkaitan AF setiap tahun iaitu sama dengan seorang dalam tempoh 12 saat.

Tidak sedar

Kira-kira 40,000 rakyat Malaysia diserang strok setiap tahun, tetapi tidak ramai yang sedar bahawa mereka mempunyai risiko besar terhadap penyakit tersebut.

Hanya sebilangan kecil yang maklum mengenai tanda amaran atau mengetahui apa yang patut dilakukan sekiranya disyaki mengalami strok.

Sementara itu, Presiden Persatuan Neurosains Malaysia, Prof. Dr. Hamidon Basri memberitahu, mengalami serangan strok tidak bermakna berakhirnya hidup seseorang itu.

“Strok boleh disembuhkan. Anggap sahaja ia satu permulaan yang baru. Strok boleh disembuhkan walaupun separuh daripada otak mengalami kerosakan.

“Serangan strok sememangnya boleh mengubah kehidupan seseorang untuk sepanjang hayat. Jika sebelum ini mereka boleh berdikari tetapi apabila diserang strok, mereka mungkin mengalami kelumpuhan yang menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada mereka yang sihat,” katanya yang juga seorang pakar runding neurologi

Meskipun umum mengetahui kewujudan penyakit itu namun tidak ramai yang boleh menentukan kekerapan serangannya terhadap mangsa.

“Jangan sesekali memandang ringan

■ Kemosrotan bahasa/pertuturan

■ Gaya tingkah laku: lambat, berhati-hati


■ Kemosrotan daya ingatan (bahasa)

■ Kemosrotan cerapan/ruang

■ Gaya tingkah laku: Pantas, Impulsif

■ Kemosrotan daya ingatan (kelakuan)

* Kerosakan otak kanan menyebabkan hilang keupayaan di bahagian sebelah kiri dan begitulah sebaliknya.



■ GRAFIK OLEH: Unit Grafik Kosmol

terhadap penyakit ini kerana ia mampu mengubah hidup seseorang. Pesakit strok tidak mampu berdikari dan memerlukan penjagaan rapi sepanjang hayat,” ujarnya.

Tambah Hamidon, strok boleh berlaku dengan dua cara berbeza iaitu apabila salur darah di dalam otak pecah (strok berdarah) dan apabila salur darah tersekat (strok iskemia).

Ia berlaku secara tiba-tiba tanpa sebarang amaran sehinggalah seseorang itu mengalami lumpuh sebelah badan sama ada di sebelah kanan atau kiri.

Namun, bukan semua jenis strok menyebabkan lumpuh kerana gangguan

saraf berlaku jauh daripada bahagian otak yang mengawal pergerakan.

“Apa yang boleh dilakukan adalah mengawal faktor utama yang boleh menyumbang kepada strok iaitu diabetes, darah tinggi, paras kolesterol dan tabiat merokok.

“Terus ke hospital jika diserang strok kerana otak akan rosak jika proses mendapatkan rawatan dilengah-lengahkan,” pesannya.

Mengurus AF lebih fokus kepada mengurangkan risiko strok melalui pencairan darah atau rawatan anti trombotik dan memulihkan kadar degupan jantung normal.

pembentukan darah beku. Ia dikenali dengan nama rawatan antitrombotik dan merangkumi rawatan antiplatelet dan antikoagulan (antigumpal).

Terapi antikoagulan ini dilakukan kepada pesakit yang mengalami risiko strok sederhana dan tinggi. Vitamin K Antagonis (VKAs) seperti warfarin biasa digunakan untuk rawatan antikoagulan.

VKAs sangat efektif untuk kegunaan jangka masa panjang yang boleh mencegah dua daripada tiga serangan strok pada pesakit yang menghidapi AF.

Walaupun bagaimanapun, rawatan VKAs boleh menjadi sukar kerana ia boleh bertindak balas dengan ubat yang lain dan makanan. Pesakit yang menjalani rawatan VKAs perlu dipantau rapi oleh doktor yang perlu melakukan penyesuaian dos dengan kerap bagi memastikan rawatan tersebut kekal efektif.

Pesakit menghidapi AF dengan risiko strok yang rendah atau tidak boleh menerima atau menahan rawatan VKAs biasanya diberikan ejen aspirin antiplatelet yang keberkesanannya tidak efektif seperti VKAs bagi mencegah strok.

● Rawatan kawal kadar degupan. Sesetengah pesakit AF yang mempunyai kadar degupan jantung yang pantas diberikan ubat bagi memulihkan degupan jantung kepada kadar normal. Ini selalunya mengurangkan simptom pening.

● Rawatan kawal ritma degupan. Bagi pesakit tertentu pula, doktor akan menyarankan rawatan kardioversi iaitu pemulihan semula ritma jantung dengan renjatan elektrik.